

**PENGARUH TINGKAH LAKU TERANCANG, KECERDASAN EMOSI DAN  
DAYA TAHAN TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN  
PELAJAR**

**ROHAIDA BINTI MUSLIM**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN  
PERNIAGAAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan terhadap hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir FPE UPSI. Dalam kajian ini, sebanyak 210 set soal selidik telah berjaya dikumpul yang membawa kepada 97% kadar tindak balas. Ujian ANOVA, ujian-t, ujian korelasi dan ujian regresi pelbagai telah digunakan untuk melaksanakan analisis statistik daripada data kajian. Analisis kebolehpercayaan dan analisis faktor pengesahan telah dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasrat keusahawanan. Teori Tingkah Laku Terancang (*TPB*) merupakan pembolehubah yang paling mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar. Kajian ini juga telah menyumbang kepada literatur dalam pengaruh *TPB*, kecerdasan emosi dan daya tahan terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Implikasinya, universiti boleh meningkatkan *self-efficacy* keusahawanan dan keinginan pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

## THE INFLUENCE OF PLANNED BEHAVIOR, EMOTIONAL INTELLIGENCE AND RESILIENCE TOWARDS STUDENT'S ENTREPRENEURSHIP INTENTION

### ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the influence of planned behavior, emotional intelligence and resilience towards FPE UPSI final semester students' entrepreneurship intention. In this study, 210 questionnaires were collected, which led to 97% response rate. ANOVA test, t-test, correlation test and multiple regression tests were used to perform statistical analysis of the study data. Reliability analysis and confirmatory factor analysis were conducted. The results showed that the planned behavior, emotional intelligence and resilience have a significant relationship to the entrepreneurial intention. Theory of Planned Behavior (TPB) variables most influences the students' entrepreneurial intention. Therefore, this study contributes to the literature regarding the influence of TPB, emotional intelligence and resilience against the intention of student entrepreneurship. By implication, the university needs to improve self-efficacy and entrepreneurial student intention to pursue entrepreneurship as a career choice.



05

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Kajian	12
1.8 Signifikan Kajian	14



1.9 Skop dan Batasan Kajian	15
1.10 Definisi Operasional	17
1.10.1 Pendidikan Keusahawanan	17
1.10.2 Demografi	18
1.10.3 Hasrat Keusahawanan	19
1.10.4 Teori Tingkah Laku Terancang	20
1.10.5 Kecerdasan Emosi	21
1.10.6 Daya Tahan	23
1.11 Rumusan	25

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1 Pengenalan	26
2.2 Usahawan	27
2.3 Keusahawanan	28
2.4 Demografi terpilih	30
2.4.1 Program Pengajian	31
2.4.2 Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Perniagaan	34
2.4.3 Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan	37
2.5 Hasrat Keusahawanan	39
2.5.1 Model Berdasarkan Hasrat dalam Bidang Keusahawanan	41
2.6 Teori Tingkah Laku Terancang ( <i>TPB</i> )	44
2.7 Kecerdasan Emosi	48
2.8 Daya Tahan	54
2.9 Jurang Penyelidikan	62
2.10 Rumusan	63





## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	64
3.2 Reka Bentuk Kajian	65
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	67
3.4 Instrumen Pengukuran Pembolehubah Kajian	69
3.4.1 Pengukuran Faktor Demografi dan Maklumat Perniagaan	70
3.4.2 Pengukuran Teori Tingkah Laku Terancang	70
3.4.3 Pengukuran Kecerdasan Emosi	74
3.4.4 Pengukuran Daya Tahan	79
3.4.5 Pengukuran Hasrat Keusahawan	82
3.5 Prosedur Kajian	84
3.6 Kajian Rintis	85
3.7 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	86
3.8 Kesahan Instrumen Kajian	93
3.9 Analisis Data	97
3.9.1 Statistik Deskriptif	98
3.9.2 Statistik Inferensi	98
3.10 Keyakinan Interval	101
3.11 Rumusan	102

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	103
4.2 Analisis Statistik Deskriptif	
4.2.1 Profil Responden	104
4.2.2 Statistik Deskriptif Responden Kajian	104



	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi	
<b>4.2.3 Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Perniagaan</b> 106										
<b>4.2.4 Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan</b> 106										
<b>4.3 Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian</b> 107										
<b>4.4 Analisis Statistik Inferensi</b> 111										
<b>4.5 Rumusan</b> 124										
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>										
<b>5.1 Pengenalan</b> 126										
<b>5.2 Ringkasan Kajian</b> 127										
<b>5.3 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian</b>										
<b>5.3.1 Persoalan Kajian Pertama</b> 128										
<b>5.3.2 Persoalan Kajian Kedua</b> 131										
<b>5.3.3 Persoalan Kajian Ketiga</b> 137										
	05-450	<b>5.4 Implikasi Dapatan Kajian</b>		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		PustakaTBainun		ptbupsi
<b>5.4.1 Implikasi Teori</b> 143										
<b>5.4.2 Implikasi Praktikal</b> 144										
<b>5.5 Cadangan</b> 146										
<b>5.6 Kesimpulan</b> 149										
<b>RUJUKAN</b> 151										
<b>LAMPIRAN</b>										

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Bilangan Pengganggur Siswazah	4
3.1	Tiga Dimensi Teori Tingkah Laku Terancang dengan Item-Item yang Berkaitan	72
3.2	14 Item Elemen Teori Tingkah Laku Terancang	73-74
3.3	Skala Pengukuran dan Penilaian	74
3.4	WLEIS dengan Item yang Berkaitan	77
3.5	16 Item WLEIS	78
3.6	Skala Pengukuran dan Penilaian	78
3.7	CD-RISC dengan Item yang Berkaitan	80
3.8	25 Item CD-RISC	81
3.9	Skala Pengukuran dan Penilaian	82
3.10	Hasrat Keusahawan dengan Item yang Berkaitan	82
3.11	6 Item Hasrat Keusahawanan	83
3.12	Skala Pengukuran dan Penilaian	84
3.13	Kriteria untuk Penerimaan	88
3.14	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Teori Tingkah Laku Terancang	88
3.15	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Kecerdasan Emosi	89
3.16	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Daya Tahan	89

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
3.17	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Teori Tingkah Laku Terancang			90
3.18	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Kecerdasan Emosi			91
3.19	Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Daya Tahan			92
3.20	Analisis Faktor bagi Elemen Teori Tingkah Laku Terancang			95
3.21	Analisis Faktor bagi Elemen Kecerdasan Emosi			95
3.22	Analisis Faktor bagi Elemen Daya Tahan			96
3.23	Model Umum Regresi Pelbagai			100
3.24	Model Spesifik Regresi Pelbagai			101
3.25	Deskripsi Umum Analisis Data			101
4.1	Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina			105
4.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa			105
4.3	Bilangan Responden Bagi Ketiga-Tiga Program Pengajian	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	106
4.4	Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Penglibatan dalam Aktiviti Perniagaan			106
4.5	Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan			107
4.6	Keputusan Skor Min Bagi Tingkah Laku Terancang			108
4.7	Keputusan Skor Min Bagi Kecerdasan Emosi			109
4.8	Keputusan Skor Min Bagi Daya Tahan			110
4.9	Keputusan Skor Min Bagi Hasrat Keusahawanan			111
4.10	Keputusan Ujian ANOVA Bagi Perbezaan Antara Program Pengajian dengan Tingkah Laku Terancang			112
4.11	Keputusan Ujian ANOVA Bagi Perbezaan Antara Program Pengajian dengan Kecerdasan Emosi			113
4.12	Keputusan Ujian ANOVA Bagi Perbezaan Antara Program Pengajian dengan Daya Tahan			114

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.13	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Perniagaan dengan Tingkah Laku Terancang			115
4.14	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Perniagaan dengan Kecerdasan Emosi			115
4.15	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Perniagaan dengan Daya Tahan			116
4.16	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan dengan Tingkah Laku Terancang			117
4.17	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan dengan Kecerdasan Emosi			118
4.18	Keputusan Ujian-T Bagi Penglibatan Keluarga dalam Aktiviti Perniagaan dengan Daya Tahan			118
4.19	Keputusan Ujian Korelasi Bagi Tingkah Laku Terancang dengan Hasrat Keusahawanan			119
4.20	Keputusan Ujian Korelasi Bagi Kecerdasan Emosi dengan Hasrat Keusahawanan			120
4.21	Keputusan Ujian Korelasi Bagi Daya Tahan Terancang dengan Hasrat Keusahawanan			120
4.22	Keputusan Ujian Regresi Pelbagai Ke Atas Pembolehubah-Pembolehubah Bagi Meramal Hasrat Keusahawanan			122
4.23	Model Spesifik Regresi Pelbagai			124

## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Taburan Peratus Siswazah Menganggur Mengikut Bidang Pengajian Terpilih	5
1.2	Kerangka Kajian	13
2.1	Evolusi Model Hasrat Keusahawanan. Diadaptasi Daripada Guerrero, Rialp dan Urbano (2008)	42
2.2	Model Acara Keusahawanan Shapero dan Sokol. Diadaptasi Daripada Shapero dan Sokol (1982)	43
2.3	Model Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen. Diadaptasi Daripada Ajzen (1991)	44

## SENARAI SINGKATAN

C	Control
CD-RISC	Connor-Davidson Resilience Scale
CFA	Confirmatory Factor Analysis
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Negara
DWN	Dasar Wawasan Negara

EFA	Exploratory Factor Analysis
EIQ	Entrepreneurial Intention Questionnaire
EQ-1	Emotional Quotient Inventory
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KMOMSA	Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah			
MEIS	Multifactor Emotional Intelligence Scale			
MSCEIT	Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test			
OEA	Other's Emotional Appraisal			
PHT	Personal Competence, High Standards and Tenacity			
PS	Positive Acceptance of Change and Secure Relationships With Others			
ROE	Regulation of Emotion			
S	Spiritual			
SEA	Self Emotional Appraisal			
SPSS	Statistical Package for Social Science			
TPB	Theory of Planned Behaviour			
TTS	Trust in One's Instincts, Tolerance of Negative Affect and Strengthening Effects of Stress			
UOE	Use of Emotion			
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris			
WLEIS	Wong and Law Emotional Intelligence Scale			

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Surat Kebenaran

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan latar belakang kajian iaitu menjelaskan idea-idea umum tentang skop kajian yang akan dijalankan. Seterusnya, pernyataan masalah kajian dinyatakan dan diikuti dengan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian dan juga definisi operasional.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks negara Malaysia, aspek pembangunan keusahawanan telah diberikan perhatian yang serius bermula dengan pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tahun 1971 hingga tahun 1990. Pembangunan keusahawanan telah dijadikan sebagai agenda penting negara melalui pendekatan serampang dua mata iaitu membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Walau bagaimanapun, matlamat untuk mewujud dan membangunkan kelompok masyarakat perdagangan dan perindustrian yang berdaya maju dan berdaya saing masih belum tercapai (Nor Mohamed Yakcop, 2013). Oleh yang demikian, strategi tersebut telah diteruskan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN) bermula tahun 1991 hingga tahun 2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) bermula tahun 2001 hingga tahun 2010. Menurut Rancangan Malaysia Kesembilan (2006), matlamat utama dasar tersebut adalah untuk mewujudkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 telah memberi pendedahan awal tentang unsur keusahawanan kepada pelajar tahap dua diikuti dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 yang memberi pendedahan dan pengetahuan dalam aspek perniagaan dan keusahawanan melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Perdagangan kepada pelajar sekolah menengah (Boon & Bohari, 2010). Kemudian, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 telah memperkenalkan tiga elemen nilai tambah iaitu kreativiti dan inovasi, keusahawanan, dan teknologi maklumat dan komunikasi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Pengenalan mata pelajaran Pengajian Perniagaan pada tahun 1999 kepada pelajar tingkatan enam telah memperkenal dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pelajar bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian di institusi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pengajian tinggi (IPT) atau ke peringkat kelayakan profesional serta menceburi kerjaya dalam bidang pengurusan perniagaan atau keusahawanan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1999).

Seterusnya, pendidikan keusahawanan telah ditawarkan secara meluas di IPT sebagai satu cara untuk membangunkan ciri-ciri keusahawanan dan potensi pelajar universiti melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran formal dan tidak formal (Mohd Fauzi Mohd Jani, Norasmah Othman, Ariffin Hj Zainal, Imran Ho Abdullah, Zainal Abidin Hashim, Ahmad Azmi Mohd Ariffin, & Badusah, J., 2007). Penyediaan infrastruktur yang sesuai, sumber kewangan yang mencukupi dan kakitangan akademik yang berkelayakan serta ruang untuk penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat adalah penting kepada pelaksanaan bentuk pendidikan



ini (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Oleh itu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM16 bilion kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melaksanakan pelbagai program pendidikan dan latihan untuk membangunkan modal insan yang inovatif dan berkeupayaan dalam bidang sains dan teknologi serta kemahiran keusahawanan yang tinggi (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006).

Walau bagaimanapun, tahap kebolehpasaran, kekurangan dan ketidakpadanan kemahiran siswazah masih menjadi isu utama dalam pembangunan modal insan. Ini kerana, siswazah Malaysia kurang kompeten dalam kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri dan lemah dalam *soft skills* termasuk etika kerja profesional, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, membuat keputusan dan kepimpinan (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011). Fenomena ini boleh dilihat dalam hasil





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

penyiasatan tenaga buruh siswazah di Malaysia pada tahun 2011 yang menunjukkan kira-kira 33 800 orang graduan sedang menganggur dan majoriti siswazah yang menganggur dalam tahun 2010 adalah lulusan Sains Sosial, Perniagaan dan Undang-Undang iaitu sebanyak 25 807 orang (Perangkaan Tenaga Buruh Siswazah, 2011).

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan penganggur siswazah dari tahun 2007 hingga 2010 yang menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Manakala Rajah 1.1 menunjukkan taburan peratus siswazah menganggur mengikut bidang pengajian terpilih yang menunjukkan bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Undang-Undang mencatat peratusan tertinggi.

### Jadual 1.1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tahun	Bilangan penganggur
2007	33 500
2008	54 100
2009	63 100
2010	65 500

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



*Rajah 1.1. Taburan peratus siswazah menganggur mengikut bidang pengajian terpilih*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)

Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik. Menurut Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2011), pelaksanaan inisiatif berpandukan dasar tersebut diharap dapat melahirkan graduan IPT yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan serta meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan graduan IPT iaitu mereka yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan sebagai pemangkin kepada pencapaian transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Selain itu, kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada graduan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Kemat, B., Yusof, M.Z., &



Edama, N., 2011) kerana modal insan yang cemerlang, berdaya tahan dan berdaya saing boleh dibangunkan melalui pendidikan dan latihan keusahawanan (Yusof, 2009; Malaysia, 2010a, b) bermula dari peringkat sekolah hingga ke peringkat IPT supaya keperibadian dan sifat kepimpinan dalam diri pelajar iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi dan keterampilan komunikasi dapat dibangunkan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Walau bagaimanapun, kecenderungan pelajar untuk menjadi seorang usahawan adalah sangat berkaitan dengan hasrat mereka (Olanrewaju, 2013). Tingkah laku terancang Ajzen (1991) mempunyai pengaruh yang penting ke atas hasrat keusahawanan (Guerrero, M., Rialp, J., & Urbano, D., 2008), kecerdasan emosi boleh mencetuskan hasrat keusahawanan (Zampetakis, L.A., Kafetsios, K., Bouranta, N., Dewett, T., & Moustakis, V.S., 2009) manakala daya tahan usahawan sangat mempengaruhi kejayaan perniagaan mereka (Hayward, M., Foster, W.R., Sarasvathy, S.D., & Fredrickson, S., 2010). Sebagai rumusannya, ketiga-tiga pembolehubah sangat mempengaruhi hasrat keusahawanan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

KPT telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk melahirkan bakal graduan yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan iaitu kemahiran insaniah atau *soft-skills* seperti kemahiran berkomunikasi, berdaya saing, berdaya tahan dan nilai kepimpinan yang tinggi.





Menurut Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2011), adalah signifikan bagi pelajar universiti, politeknik dan kolej komuniti untuk diberikan pendedahan dan diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan. Untuk itu, IPT perlu menyediakan program pengukuhan keusahawanan, infrastruktur serta persekitaran yang kondusif kepada golongan pelajar yang benar-benar mempunyai minat dan keinginan untuk menjadi seorang usahawan atau *entrepreneurial graduates* yang mempunyai pemikiran, sifat dan nilai keusahawanan.

Walau bagaimanapun, untuk memulakan aktiviti keusahawanan, ianya sangat dipengaruhi oleh hasrat untuk memulakan perniagaan (Guerrero *et al.*, 2008). Hasrat untuk memulakan perniagaan boleh diramal dengan ketepatan yang tinggi daripada sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Ajzen, 2005, 2012). Menurut Ajzen (2005), individu membangunkan sikap daripada kepercayaan mereka tentang akibat tingkah laku tersebut. Krueger, N.F., Reilly, M.D. dan Carsrud, A.L. (2000); Linan dan Chen (2009) pula menyatakan bahawa norma subjektif tidak mempunyai pengaruh yang besar kepada hasrat keusahawanan manakala kawalan tingkah laku yang dilihat merupakan peramal terbaik ke atas hasrat keusahawanan. Kenyataan tersebut adalah bertentangan dengan Yang (2013) yang mendapati bahawa norma subjektif bukan sahaja secara signifikannya meningkatkan hasrat keusahawanan, tetapi juga merupakan peramal terbaik ke atas hasrat keusahawanan pelajar cina. Manakala kawalan tingkah laku yang dilihat secara signifikannya mempengaruhi hasrat keusahawanan, tetapi pengaruhnya adalah kurang.





Selain daripada tingkah laku, kecerdasan emosi juga boleh mencetuskan hasrat keusahawanan (Zampetakis *et al.*, 2009). Ini adalah kerana kecerdasan emosi mempunyai kesan yang positif ke atas kreativiti (Zhou & George, 2003) dan tingkah laku keusahawanan (Baron, 2008; Zampetakis & Kafetsios, 2010; Biniari, 2011; Bahadori, 2012). Kenyataan ini disokong oleh Parker, S.K., William, H.M. dan Turner, N. (2006) iaitu pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi dapat menghadapi tekanan dengan lebih baik, lebih yakin dalam pengalaman mereka, boleh mencipta dan mengawal perniagaan sendiri. Empat dimensi kecerdasan emosi iaitu penilaian emosi kendiri (*SEA*), penilaian emosi orang lain (*OEA*), peraturan emosi (*ROE*) dan penggunaan emosi (*UOE*) telah digunakan dalam kajian ini.



Selain daripada tingkah laku dan kecerdasan emosi, daya tahan turut mempengaruhi kejayaan perniagaan usahawan (Hayward *et al.*, 2010). Ini kerana mereka menggunakan emosi positif untuk memulihkan pengalaman emosi negatif selain menggunakan kejayaan masa lalu untuk berhadapan dengan cabaran semasa (Tugade & Fredrickson, 2004). Kenyataan ini disokong oleh Garcia dan Ayala Calvo (2013) yang mendapati usahawan yang berdaya tahan lebih tabah dan bersedia untuk bekerja keras bagi mencapai matlamat dan cita-cita mereka serta menunjukkan toleransi yang tinggi dan boleh menyesuaikan diri dalam keadaan yang berubah (London, 1993; Cooper, Estes & Allen, 2004). Kajian ini menggunakan kelima-lima faktor daya tahan iaitu kecekapan peribadi, standard yang tinggi, dan ketabahan (*PHT*); amanah dalam naluri seseorang, toleransi memberi kesan negatif, dan kesan-kesan pengukuran tekanan (*TTS*); penerimaan positif perubahan dan hubungan selamat dengan orang lain (*PS*); kawalan (*C*) dan pengaruh rohani (*S*).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Secara kesimpulannya, ketiga-tiga pembolehubah iaitu tingkah laku, kecerdasan emosi dan daya tahan sangat penting dalam mempengaruhi hasrat keusahawanan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, penyelidik masih belum menjumpai kajian-kajian yang menyokong ketiga-tiga pembolehubah terutamanya pembolehubah daya tahan terhadap hasrat keusahawanan khususnya di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk melihat sama ada ketiga-tiga pembolehubah saling mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

#### **1.4 Objektif Kajian**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai pengaruh hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir FPE UPSI. Secara spesifiknya, kajian ini akan cuba menyiasat kesan teori tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan ke atas hasrat keusahawanan. Tujuan kajian ini adalah:

1. Untuk mengukur tahap tingkah laku terancang, kecerdasan emosi, daya tahan dan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir FPE UPSI.
2. Untuk melihat perbezaan antara demografi dengan tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan pelajar semester akhir FPE UPSI.
3. Untuk menyiasat pengaruh tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan terhadap hasrat keusahawanan pelajar semester akhir FPE UPSI.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian berikut telah dibangunkan.

1. Apakah tahap tingkah laku terancang, kecerdasan emosi, daya tahan dan hasrat keusahawanan pelajar semester akhir FPE UPSI?
2. Adakah terdapat perbezaan antara demografi terpilih dengan tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan pelajar semester akhir FPE UPSI?
3. Adakah terdapat pengaruh tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan terhadap hasrat keusahawanan pelajar semester akhir FPE UPSI?
  - 3.1 Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku terancang, kecerdasan emosi dan daya tahan terhadap hasrat keusahawanan pelajar semester akhir FPE UPSI?
  - 3.2 Apakah faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir FPE UPSI?



## 1.6 Hipotesis Kajian

Seiring dengan tujuan kajian iaitu menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar semester akhir FPE UPSI, adalah perlu untuk membangunkan hipotesis. Bagi melihat sama ada terdapat perbezaan dan perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah, maka adalah perlu hipotesis-hipotesis berikut dibuktikan:

